




PARLIMEN MALAYSIA



MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN

HARI KHAMIS: 11 DISEMBER 2008

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

(SOALAN NO. 5, 14 HINGGA 34)

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 4,
6 HINGGA 13**

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : Bagi Jawab Lisan

DARIPADA : Dato' Ismail bin Kasim [Arau]

TARIKH : 11 Disember 2008 (Khamis)

SOALAN : 5

Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha dan perancangan bagi memastikan masa depan Projek Zon Bebas Pelabuhan Klang dapat terus berdaya saing dengan pelabuhan-pelabuhan ternama di dunia dan menjadi hub pelabuhan terbaik antarabangsa.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Pelabuhan Kelang telah berjaya menempatkan diri di dalam kelompok 20 teratas dalam liga pelabuhan kontena dunia sejak tempoh 9 tahun kebelakangan ini.

Untuk memantapkan lagi kedudukan Pelabuhan Kelang dan mengekalkan daya saingnya Kerajaan telah mewujudkan Zon Bebas Pelabuhan Kelang atau *Port Klang Free Zone* (PKFZ) dengan izin yang bertujuan menjana lebih banyak kargo untuk dikendalikan melalui Pelabuhan Kelang.

Pembangunan PKFZ menumpukan kepada 3 segmen utama iaitu sektor pembuatan, sektor perdagangan dan sektor logistik. Sehubungan ini, tindakan-tindakan yang telah dan sedang diambil adalah seperti berikut :-

- a) memperuntukkan 50 ekar tanah dan 60 unit industri ringan bagi kluster industri halal dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Industri Halal;
- b) memperuntukkan kawasan bagi kluster industri berasaskan kelapa sawit dengan kerjasama Lembaga Minyak Sawit Malaysia;
- c) menggalakkan hub logistik serantau bagi alat-alat ganti kapal;

- d) menggalakkan pertumbuhan kluster industri pembuatan peralatan-peralatan industri minyak dan gas; dan
- e) mewujudkan pusat lelongan automotif.

Promosi agresif bagi menarik pengusaha-pengusaha industri dari dalam dan luar negeri seperti dari Asia Timur, Asia Tengah dan Eropah beroperasi di PKFZ juga sedang giat dilakukan.

SOALAN NO. 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN
A/L NAGAPAN (PADANG SERAI)**

TARIKH : 11 DISEMBER 2008 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan (Padang Serai) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan definisi apakah yang dimaksudkan dengan fakir miskin dan miskin :-

- (a) golongan mana yang berhak untuk menerima bantuan dan berapa banyak wang yang telah diperuntukkan untuk mereka ; dan
- (b) apakah prosedur dan cara-cara untuk mendapatkan bantuan untuk mereka.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri menggunakan definisi orang fakir sebagai seseorang yang tidak mempunyai apa-apa harta atau pekerjaan atau menerima pendapatan dari sumber-sumber lain yang jumlahnya tidak sampai 50 peratus daripada keperluan harian dan keperluan tanggungannya dan tidak sampai 50 peratus daripada belanja hidup sederhana dan orang-orang tanggungannya.

Orang miskin pula didefinisikan sebagai seseorang yang mempunyai pekerjaan atau hasil usaha yang hanya memenuhi sebahagian keperluan asasinya tetapi tidak mencukupi untuk menampung keperluan harian dan juga menampung keperluan orang-orang tanggungannya.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) tidak mengkategorikan penerima bantuan sama ada dari golongan fakir miskin atau pun miskin. Sebaliknya setiap pemohon yang memenuhi syarat asas kelayakan yang dinyatakan adalah layak dipertimbangkan untuk diberikan bantuan.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Golongan yang dipertimbang menerima bantuan yang disediakan oleh Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah terdiri daripada:-
- i) Keluarga miskin yang mempunyai kadar pendapatan isi rumah di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu RM720 bagi Semenanjung Malaysia, RM830 bagi Sarawak dan RM960 bagi Sabah dan Labuan;
 - ii) Ibu tunggal yang mempunyai tanggungan dan tidak mempunyai pendapatan tetap untuk menyara tanggungan mereka;

- iii) Warga emas yang miskin tetapi masih mampu untuk terus hidup secara berdikari bersama komuniti setempat, serta tidak perlu dimasukkan ke institusi kebajikan;
- iv) Mangsa bencana yang dipindahkan ke pusat-pusat pemindahan dan memerlukan bantuan pemulihan;
- v) Kes terdampar dan memerlukan bantuan segera;
- vi) Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan JKM dan berada dalam keadaan miskin dan tidak berupaya bekerja ataupun yang bekerja tetapi berpendapatan kurang daripada RM1,200 sebulan serta OKU yang memerlukan penggunaan alat bantuan tiruan atau alat sokongan bagi membantu kesejahteraan hidup mereka;
- vii) Keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan yang sedang memberi jagaan kepada ahli keluarga yang mengidapi penyakit kronik terlantar atau OKU terlantar.

Tuan Yang di-Pertua,

JKM telah diberikan peruntukan sebanyak RM229 juta untuk skim-skim bantuan kebajikan ini. Pecahan bantuan ini adalah seperti berikut:-

i.	Bantuan Kanak-Kanak	-	RM38 Juta
ii.	Bantuan Orang Tua	-	RM28 Juta
iii.	Elaun Pekerja Cacat	-	RM26 Juta
iv.	Bantuan Geran Pelancaran	-	RM0.5 Juta
v.	Bantuan Am	-	RM105 Juta
vi.	Geran Pertubuhan Sukarela	-	RM22 Juta
vii.	Pemberian bantuan lain	-	RM9.5 Juta

Tuan Yang di-Pertua,

(b) Prosedur dan cara-cara yang boleh digunakan oleh pemohon untuk mendapatkan bantuan ialah dengan cara seperti berikut:-

- i) mengemukakan permohonan kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang berdekatan dengan tempat tinggal mereka; ataupun
- ii) mengemukakan permohonan melalui pemimpin tempatan seperti Ahli Parlimen, ADUN, Penghulu atau Ketua Kampung. Maklumat yang diterima berkaitan bantuan yang diperlukan akan disalurkan kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah berkenaan untuk tindakan susulan.

Semua permohonan yang diterima akan dijalankan siasatan (*means-tested*) bagi mengesahkan kelayakan permohonan sebelum bantuan dipertimbangkan. Aspek lain yang diambil kira dalam urusan penyiasatan adalah seperti berikut :-

- i) Ketua keluarga (pencari nafkah) menghadapi masalah kesihatan, kecacatan atau masalah lain yang boleh menjejaskan fungsinya untuk bekerja dengan baik;

- ii) Keluarga tunggal yang tidak mempunyai pendapatan tetap dan terpaksa memberikan jagaan kepada anak-anaknya sepenuh masa; dan
- iii) Faktor lain yang menyebabkan sesebuah keluarga telah kehilangan pendapatan secara mendadak dan keluarga tersebut tidak mempunyai sumber pendapatan tetap lain seperti pencen, insuran atau sumber lain yang boleh menyara hidup mereka.

Laporan siasatan yang lengkap dipertimbang dan dibuat keputusan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah dalam tempoh dua minggu.

KW-15

SJ.B/(131)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
(LEMBAH PANTAI)**

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 11.12.2008 SOALAN NO: 15

Puan Nurul Izzah binti Anwar (Lembah Pantai) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sudahkah Kerajaan menilai kesan-kesan terhadap pasaran saham tempatan akibat pengenalan cukai 'windfall' ke atas IPP memandangkan syarikat-syarikat IPP mewakili 20 peratus daripada keseluruhan pasaran saham Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhannya, penguatkuasaan levi keuntungan luar biasa ke atas penjana tenaga bebas (IPP) yang dimiliki oleh syarikat tersenarai di Bursa Malaysia seperti MMC Corporation Bhd, Tanjong PLC, YTL Power International Bhd, Genting Bhd, Sime Darby Bhd dan Tenaga Nasional Bhd tidak mempunyai implikasi negatif. Memandangkan aktiviti IPP yang dikendalikan oleh anak-anak syarikat ini hanyalah merupakan satu daripada pelbagai aktiviti perniagaan lain yang dijalankan oleh syarikat tersenarai tersebut, maka pengenaan levi keuntungan luar biasa ini tidak akan menjejaskan pasaran saham tempatan.

NO = 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB [BALING]
TARIKH : 11.12.2008 (KHAMIS)
SOALAN : ~~26~~

TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB [BALING] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA menyatakan adakah Kerajaan sedar dengan adanya pasaraya-pasaraya mega akan menjejaskan peniaga kecil terutamanya kaum Bumiputera dan adakah Kerajaan berhasrat untuk mengatasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Garis panduan Penyertaan Asing Dalam Perdagangan Pengedaran antara lain menggariskan tatacara kelulusan ke atas permohonan oleh syarikat asing untuk membuka pasar raya dalam kategori-kategori tertentu di negara ini. Antara yang tidak boleh diceburi oleh syarikat berkepentingan asing ialah pembukaan *minimarket* yang mempunyai keluasan kurang dari 400 meter persegi dan *supermarket* yang mempunyai keluasan antara 400 hingga 2000 meter persegi. Di samping itu, syarat bagi pembukaan sesebuah *hypermarket* mesti di luar radius 3.5 kilometer dari kawasan bandar selain syarat 350,000 penduduk bagi sebuah *hypermarket*. Ini adalah bertujuan untuk melindungi peniaga serta peruncit kecil tempatan.

Minimarket yang mempunyai keluasan kurang dari 400 meter persegi dan *supermarket* yang mempunyai keluasan antara 400 hingga 2000 meter persegi adalah dikhaskan untuk pengusaha tempatan sahaja.

Bagi permohonan pembukaan pasar raya besar seperti *superstore* dan *hypermarket* perlu disertakan bersama kajian impak terhadap peniaga kecil setempat. Kajian ini memberikan pandangan peniaga setempat terhadap pembukaan pasar raya besar di kawasan mereka.

Pandangan ini diambilkira sebelum keputusan dibuat oleh ahli-ahli Jawatankuasa Perdagangan Pengedaran (JKPP) yang bersidang untuk meluluskan atau menolak permohonan-permohonan ini.

Konsep pasar raya besar adalah *impersonal*, dengan izin dan kurangnya *human touch*, dengan izin. Pengusaha *minimarket* dan *supermarket* tempatan masih boleh bersaing dengan *hypermarket* dengan cara menarik pelanggan menggunakan pendekatan yang lebih *personal* dan ceria dalam usaha untuk bersaing dengan *hypermarket* besar seperti TESCO dan Giant.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid

TARIKH: 11 DISEMBER 2008

SOALAN:

Y.B. Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengkaji gaji minimum RM1500 kepada semua pekerja termasuk pekerja asing.

PR-1213-L15237

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk melaksanakan gaji minimum kebangsaan RM1,500 kepada semua pekerja kerana bukan semua majikan mampu membayar kadar gaji tersebut. Walau bagaimanapun kadar gaji pekerja termasuk pekerja asing di negara ini ditentukan melalui 3 pendekatan, iaitu:-

- a) Kuasa Pasaran (*market forces*) di mana kadar gaji tertakluk kepada permintaan dan penawaran,
- b) Perjanjian Kolektif di mana kadar gaji dipersetujui melalui rundingan antara majikan dan kesatuan pekerja.
- c) Majlis Penetapan Gaji (MPG) yang menetapkan gaji minimum bagi golongan pekerja yang mudah terjejas (*vulnerable*), iaitu pekerja di sektor yang tidak mempunyai suatu mekanisme yang berkesan dalam menetapkan gaji dan syarat pekerjaan. Pada masa ini, terdapat 10 MPG yang memberi perlindungan kepada 1.33 juta pekerja di seluruh negara. Di samping itu, Kerajaan telah meluluskan

penubuhan Suruhanjaya Siasatan bagi penubuhan MPG di sektor pembuatan (tekstil dan elektronik).

Tuan Yang Di Pertua,

Cadangan untuk memperkenalkan gaji minimum RM1,500 antara faktor yang boleh meningkatkan kos pengeluaran dan memberi kesan negatif ke atas daya saing negara serta mengurangkan pelaburan langsung asing. Ini kerana pelabur-pelabur akan beralih ke negara lain yang melibatkan kos menjalankan perniagaan yang lebih rendah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN GWO-BURNE LOH
(KELANA JAYA)
TARIKH : 11 DISEMBER 2008 (KHAMIS)

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan proses penyaluran dana untuk program Rakan Muda setakat ini dan pihak-pihak yang menerima penyaluran dana tersebut serta keberkesanannya.

JAWAPAN

1. Bagi proses penyaluran dana untuk Bahagian Pembangunan Rakan Muda terdapat dua kategori iaitu kepada NGO yang terdiri daripada persatuan-persatuan belia dan Persatuan-persatuan Sukan dan juga Sekretariat Rakan Muda di IPT dengan melalui proses permohonan Bantuan.
2. Sehingga kini jumlah permohonan bantuan yang disalurkan oleh Bahagian Pembangunan Rakan Muda adalah seperti berikut :-

STATISTIK PERMOHONAN BANTUAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN RAKAN MUDA (2004 – Jun 2008)

PERMOHONAN	Tahun	JUMLAH BANTUAN YANG DILULUSKAN	Tahun	JUMLAH BANTUAN YANG DILULUSKAN	Tahun	JUMLAH BANTUAN YANG DILULUSKAN
	2004		2005		2006	
NGO	130	4,073,732.00	94	1,692,286.00	123	772,610.00
Sekretariat Rakan Muda IPT	98	935,400.00	44	210,362.00	84	321,051.00
JUMLAH	228	5,009,132.00	138	1,902,648.00	207	1,093,661.00

PERMOHONAN	Tahun	JUMLAH BANTUAN YANG DILULUSKAN	Tahun	JUMLAH BANTUAN YANG DILULUSKAN
	2007		2008 (OKTOBER 08)	
NGO	131	2,603,794.00	105	2,245,100.00
Sekretariat Rakan Muda IPT	77	253,400.00	89	331,400.00
JUMLAH	208	2,857,194.00	194	2,576,500.00

3. Saluran bantuan yang diberikan oleh Bahagian Pembangunan Rakan Muda kepada NGO dan Sekretariat Rakan Muda IPT (SRM IPT) adalah bagi mereka yang menjalankan aktiviti dan program yang mengikut 8 Gaya Hidup Rakan Muda dengan beberapa garis panduan yang diberikan iaitu penyertaan mestilah mengikut sasaran umur Rakan Muda iaitu berumur 15 -25 tahun. Keberkesanan program yang di buat oleh NGO dan SRM IPT ini ialah dapat pelaksanaan program mereka dapat menarik remaja dan belia ini menjadi ahli Persatuan dan terlibat secara langsung setiap aktiviti yang dianjurkan oleh pihak NGO atau SRM IPT yang terlibat tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' RASHID BIN DIN [MERBOK]
TARIKH : 11 Disember 2008
SOALAN :

Y.B. Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Petronas telah menubuhkan satu tabung yang dinamakan 'Petroleum Cess Fund'. Jika ada, apakah tujuan tabung ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PETRONAS telah menubuhkan Tabung Penyelidikan Petroleum atau *Petroleum Research Fund* (PRF) pada tahun 1982 dengan tujuan untuk membiayai penyelidikan dalam bidang-bidang berkaitan dengan sumber petroleum dan tenaga. Tabung ini menerima sumbangan daripada kontraktor-kontraktor pengeluaran minyak dan gas, seperti mana yang diperuntukkan di dalam *Production Sharing Contract* (PSC).

Di antara projek-projek yang telah berjaya dikomersilkan adalah seperti minyak pelincir sintetik Syntium PETRONAS dan produk polimer mesra alam EcoplusTM 105.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

SOALAN 20

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB Tuan Haji Ahmad bin Haji Maslan
[Pontian]

TARIKH : 11 DISEMBER 2008

SOALAN 1 : YB Tuan Haji Ahmad bin Haji Maslan
[Pontian] minta ^{MENTERI LUAR NEGERI} ~~PERDANA MENTERI~~
menyatakan adakah betul perjanjian yang membenarkan dibina rumah api di Pulau Pisang tahun 1900 tidak menyebut dibolehkan dibina jeti dan stor. Mengapa Singapura dibenarkan membinanya dan apakah status rundingan untuk mengambil alih rumah api itu oleh Kerajaan Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pontian ke atas soalan yang telah dikemukakan mengenai isu rumah api di Pulau Pisang.

2. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada tahun 1900, Sultan Johor ketika itu, Sultan Ibrahim dan Sir Alexander Swettenham, Gabenor Kerajaan Negeri-Negeri Selat telah menandatangani satu "Indenture" di mana Sultan Johor telah menyerahkan sebidang tanah seluas 2 ekar 2 rod kepada Kerajaan Negeri-Negeri Selat di Pulau Pisang. Tanah-tanah ini merangkumi sebuah rumah api, laluan dari rumah api ke pantai dan tempat pendaratan. Tempoh pemilikan tanah tersebut adalah untuk selamanya. Rumah api tersebut kini diselenggara dan diuruskan oleh "Maritime and Port Authority of Singapore" (MPA).

3. Kedaulatan negara ke atas Pulau Pisang adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan sama sekali. Kerajaan Singapura mengiktiraf kedaulatan Malaysia ke atas Pulau Pisang selama ini. Tiada rundingan diadakan dengan Singapura untuk mengambil balik rumah api tersebut. Namun begitu, berdasarkan Indenture tersebut Kerajaan Singapura perlu menjaga dan memastikan rumah api tersebut sentiasa berada di dalam keadaan yang baik dan rumah api tersebut tidak boleh digunakan untuk tujuan lain. Sekiranya

S melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan, Sultan
J pewaris-pewarisnya mempunyai kuasa untuk mengambil
L api tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' ZAHRAIN MOHAMED
HASHIM [BAYAN BARU]

TARIKH : 11 DISEMBER 2008

SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:

apakah bentuk bantuan dan program yang akan dilaksanakan untuk membantu meningkatkan industri pelancongan di Pulau Pinang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Dalam usaha untuk meningkatkan industri pelancongan di Pulau Pinang, Kerajaan melalui Kementerian Pelancongan telah:

1. Membangunkan industri Homestay. Sehingga September 2008, seramai 2,848 orang peserta Homestay telah mendaftar dengan Kementerian Pelancongan melibatkan 142 buah kampung di seluruh negara. Bagi negeri Pulau Pinang terdapat 9 buah homestay berdaftar di bawah Kementerian Pelancongan dengan jumlah pengusaha seramai 202 peserta. Di bawah RMK9, sebanyak RM 600,000 telah diperuntukan untuk menaiktaraf kemudahan kampung-kampung homestay seperti Homestay Kg. Jalan Bharu Baik Pulau dan Homestay Mengkuang Titi Seberang Perai Tengah.

Kerajaan juga telah meluluskan sebanyak RM1.5 juta untuk tahun 2008 bagi penambahbaikan bilik penginapan dan bilik air peserta Homestay. Untuk tujuan ini, peserta Homestay yang berdaftar dengan Kementerian ini perlu menepati kriteria-kriteria yang telah ditetapkan untuk melayakkan mereka mendapat peruntukan tersebut.

2. Menganjurkan Penang World Music Festival pada bulai Mei 2008;
3. Pihak Kementerian Pelancongan juga telah melatih *frontliners* seperti pemandu pelancong, pemandu teksi, pengusaha homestay, pelajar dan sebagainya. Sehingga September 2008 lebih kurang 1,000 *frontliners* telah dilatih di Pulau Pinang. Program latihan ini sedang diadakan secara berterusan;
4. Mengadakan *smart partnership* dengan pihak Firefly bagi mempromosikan Pulau Pinang sebagai Hub Utara Semenanjung Malaysia;

Tuan yang di Pertama,

Selain itu, Kementerian Pelancongan juga akan;

1. Meneruskan komitmen ke atas Projek-Projek Pembangunan Pelancongan Pulau Pinang di bawah RMK 9 yang diberi peruntukan sebanyak RM 76,886,172.00. Terdapat 12 projek pembangunan pelancongan yang difokuskan dalam RMK 9 dan di antara projek-projek tersebut adalah Projek Pembangunan 'Little India'

Georgetown, Projek Pembangunan Pelancongan 'Botanical Garden', Menaiktaraf Sistem Kereta Api Sedia Ada di Bukit Bendera dan Pembangunan Muzium Perang Pulau Pinang. Selain daripada itu, pembinaan Hotel Seri Malaysia di Kepala Batas dengan siling peruntukan di bawah RMK 9 berjumlah RM 35,000,000.00 juga sedang dalam pembinaan. Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM 5,450,000.00 bagi 15 projek penyelenggaraan pelancongan di bawah RMK 9 seperti Menyelenggara Dan Menaiktaraf Kawasan Peranginan Pemandangan Indah Balik Pulau, Menaiktaraf Taman Negara Pulau Pinang, Menaiktaraf Kawasan Pelancongan Padang Kota Lama dan Kerja Penyelenggaraan / Naiktaraf Landskap Di Bukit Bendera. Kementerian juga turut menyediakan peruntukan sebanyak RM 190,000.00 bagi projek Papan Penerangan Pelancongan (Plak) bagi menghuraikan Kawasan bersejarah Georgetown, Pulau Pinang.

2. Mempromosikan Georgetown sempena pengiktirafan sebagai Bandar Raya Warisan Dunia oleh UNESCO dengan menghantar deligasi ke World Travel Mart di London pada November 2008 bagi tujuan promosi;

3. Mewujudkan Pelancongan Komuniti bagi setiap daerah di Pulau Pinang di mana setiap daerah akan memperkenalkan produk pelancongan sedia ada dan produk baru;

Bantuan dan program seperti ini sebenarnya secara tidak langsung membantu meningkatkan industri pelancongan di Pulau Pinang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN
TARIKH : 11 DISEMBER 2008

SOALAN:

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) sila perincikan hak pemilikan tanah di Iskandar Malaysia dari segi pemilikan hak asing (Singapura, Arab dan lain-lain) dan rakyat tempatan khususnya orang Melayu; dan
- (b) berapakah jumlah tanah rezab Melayu yang bertukar status dan apa langkah diambil untuk penggantian semula tanah-tanah tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bilangan hak milik tanah bagi warga tempatan di Iskandar Malaysia berjumlah 114,487. Daripada jumlah tersebut, hak milik tanah di kalangan orang Melayu adalah sebanyak 37,944 manakala warga asing sebanyak 307. Daripada 307 hak milik tanah di kalangan warga asing, warga Singapura memiliki sebanyak

274 hak milik; warga Britain 5 hak milik; Kanada 4 hak milik; Taiwan 3 hak milik; China, Indonesia, India, Sri Lanka, dan Amerika Syarikat masing-masing 2 hak milik. Negara-negara lain hanya mempunyai 1 hak milik. Setakat ini, tidak ada warga Arab yang mempunyai hak milik tanah di kawasan Iskandar Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, **tidak ada tanah rezab Melayu dalam kawasan Iskandar Malaysia yang telah bertukar status pemilikan**. Dalam konteks pembangunan Iskandar Malaysia, Pihak Berkuasa Negeri Johor telah mengambil **ketetapan dasar** iaitu tidak menyerahkan pemilikan tanah secara kekal kepada pelabur asing. Bergantung kepada jenis dan kegunaan tanah, pelabur asing akan hanya memperolehi tanah secara pajakan yang akan dibuat mengikut setiap kes permohonan. Ini bertujuan untuk menjamin kepentingan rakyat tempatan dan memastikan hak milik tanah tidak terlepas kepada pelabur asing.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN
TAIB [LANGKAWI]**

**SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:**

sejak kerajaan tidak membenarkan kursus, seminar dan bengkel diadakan di hotel-hotel atau luar kawasan, apakah kesannya terhadap hotel-hotel di Langkawi, Labuan, Pangkor dan lain-lain kawasan yang kebanyakannya bergantung kepada pelancongan sedemikian. Adakah kelonggaran harus diberi bagi memastikan pertumbuhan sektor pelancongan terus terjaga.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelancongan sedia maklum akan kesan yang dihadapi industri perhotelan di Malaysia berikutan daripada langkah-langkah penjimatan yang diamalkan oleh pihak Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 / 2008 mengenai Langkah-Langkah Untuk Mengurangkan Perbelanjaan Awam yang bertarikh 9 Jun 2008.

Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, Pekeliling Perbendaharaan tersebut telah dipinda berkuatkuasa 13 Ogos 2008. Dengan berkuatkuasanya pekeling ini, maka perenggan 11 dan 12 dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 / 2008 adalah terbatal. Kerajaan telah mempertimbangkan perkara ini dan bersetuju untuk membenarkan semula penggunaan hotel tertakluk kepada jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk tujuan tersebut.

Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan/ Ketua Agensi untuk memastikan perbelanjaan yang digunakan adalah terkawal dan dianjurkan secara sederhana serta mengikut peraturan kewangan.

SULIT

NO SOALAN: 24.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL

TARIKH : 11 DISEMBER 2008

SOALAN :

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta PERDANA MENTERI menyatakan semenjak pengumuman pembaharuan dan memperkasakan BPR, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menterjemahkan komitmen kerajaan setakat ini.

SULIT

SULIT

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Untuk memperkasakan Badan Pencegah Rasuah (BPR), Kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Disamping itu juga Kerajaan juga telah bersetuju untuk meningkatkan keupayaan BPR sedia ada dengan menambah keanggotaan seramai 5,000 orang lagi dalam tempoh lima tahun. Tambahan keanggotaan ini akan dapat membantu BPR untuk mempercepatkan proses penyiasatan dan memberi perkhidmatan pencegahan rasuah yang lebih baik kepada masyarakat. Pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah pun meluluskan tambahan keanggotaan seramai 500 orang untuk tahun 2008 dan seramai 900 orang lagi pada tahun 2009. Tambahan keanggotaan seramai 1400 pegawai Badan ini merupakan lebih sekali ganda dari keanggotaan pegawai badan sedia ada. Proses pengambilan pegawai-pegawai baru ini akan bermula pada awal tahun hadapan dan persiapan untuk pengambilan tersebut termasuk dengan keperluan logistik dan latihan sedang giat dilaksanakan.

Bagi memastikan lebih ramai golongan berlatar belakang profesional dan berkeupayaan tinggi berkhidmat dengan SPRM kelak, pihak JPA juga akan menyediakan satu skim perkhidmatan yang baru bagi menarik golongan tersebut menyertai SPRM. Jadual gaji dan saraan yang baik yang ditawarkan kelak dijangka mampu menarik lebih ramai golongan

SULIT

pakar berkhidmat di SPRM seterusnya dapat melaksanakan tugas pambanterasan rasuah dengan lebih cekap dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

NO: 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai]**
TARIKH : **11 DISEMBER 2008 (Khamis)**
SOALAN : **25**

Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah graduan IPTA bukan Bumiputera yang diterima berkhidmat dengan perkhidmatan awam sejak tahun 2004. Sila beri pecahan mengikut kaum graduan IPTA yang berkhidmat dengan perkhidmatan awam bagi setiap tahun sepanjang tahun 2004-2008.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Pecahan graduan IPTA bukan Bumiputera mengikut kaum yang diterima berkhidmat dengan perkhidmatan awam persekutuan di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia bagi tahun 2004 hingga 2008 adalah seperti berikut:

1	Cina	521	769	735	894	889	3,808
2	India	340	488	503	407	480	2,218
3	Lain-lain*	81	83	126	120	119	529
	Jumlah	942	1,340	1,364	1,420	1,488	6,555

Lain-lain termasuk Slam, Sikh dan Portugis

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELANTAN]

TARIKH : 11 DISEMBER 2008

SOALAN :

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-

- (a) Sejauh manakah Kerajaan memantau dan mengawal pelepasan gas Chlorofluorocarbon (CFC) terutamanya R-22 yang digunakan secara meluas di dalam negara melalui industri penghawa dingin, di mana didapati gas ini memberi kesan kemusnahan terhadap lapisan ozon; dan
- (b) Apakah rancangan Kerajaan untuk mengurangkan penggunaan gas ini, selari dengan Montreal Protocol yang ditandatangani banyak negara-negara luar

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menguatkuasakan Undang-Undang dan Peraturan-Peraturan berkaitan *Chlorofluorocarbon* (CFC) di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 sejak tahun 1994. Hasil daripada tindakan penguatkuasaan yang berkesan serta pemantauan dan pengawalan yang ketat, Malaysia telah berjaya mengurangkan penggunaan bahan pemusnah lapisan ozon termasuk CFC daripada 4193.6 MT (metric tons) pada tahun 1990 kepada 309.4 MT dalam tahun 2007. Berdasarkan Pelan Kebangsaan Penghapusan CFC, Malaysia sebagai Parti Kepada Protokol Montreal mempunyai obligasi untuk menghapuskan penggunaan bahan CFC menjelang 1 Januari 2010. Bagi mencapai objektif ini Kerajaan telah merangka dan melaksanakan beberapa strategi seperti mewujudkan sistem pelesenan dan menghadkan kuota import kepada syarikat pengimport. Strategi dan kaedah berjaya dilaksanakan hasil daripada pemantauan, penguatkuasaan dan kerjasama yang bersepadu di antara agensi Kerajaan seperti JAS, Jabatan Kastam dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Selain itu, dalam usaha untuk menghapuskan penggunaan bahan CFC, Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan bahan alternatif baru yang lebih mesra kepada lapisan ozon iaitu R-22 sejenis *Hydrochlorofluorocarbon* (HCFC) yang digunakan oleh sektor industri termasuk industri penghawa dingin. Penukaran bahan CFC kepada R-22 adalah sebagai langkah sementara sehingga bahan alternatif yang lebih sesuai dan mesra alam dikenal pasti.

(b) Berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat ke-19 Negara Parti Protokol Montreal pada 17-21 September 2007, Malaysia perlu mematuhi obligasi dalam menghapuskan penggunaan bahan R-22 dan semua HCFC mulai tahun 2030. Bagi memenuhi komitmen negara kepada keputusan yang terkini ini, JAS telah memulakan beberapa program kesedaran seperti proses perundingan dengan pihak industri dan seminar untuk memberi penerangan kepada semua 'stakeholders' yang berkenaan mengenai kawalan bahan HCFC termasuk R-22 yang perlu dipatuhi. Tujuannya ialah untuk membolehkan industri dan pihak berkepentingan mempunyai masa yang mencukupi untuk membuat persediaan bagi menukar kepada bahan alternatif dan teknologi baru.

Di samping itu, Kerajaan juga akan menjalankan kaji selidik yang menyeluruh untuk mengenalpasti industri-industri yang layak menerima bantuan kewangan dan teknologi bagi menukar kepada teknologi baru. JAS juga akan mengkaji semula peruntukan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 untuk mengawal penggunaan R-22 melalui sistem pelesenan. Dalam pada itu, buat masa ini pengimportan bahan R-22 dari luar negara sedang dipantau oleh agensi Kerajaan seperti JAS, Jabatan Kastam dan MITI.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]

TARIKH : 11 DISEMBER 2008

SOALAN:

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pihak Kerajaan sedar bahawa lampu-lampu di Kompleks Mahkamah Jalan Duta dibiarkan menyala sepanjang malam. Bolehkah pihak Kerajaan memaklumkan kepada Dewan tentang jumlah perbelanjaan bil elektrik Mahkamah tersebut sejak ia dibuka.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan elektrik di Mahkamah Kuala Lumpur semenjak penubuhannya hingga Julai 2008 adalah sebanyak RM5,668,596.72. Walau bagaimanapun, bukan semuanya dipasang pada waktu malam dan ianya dinyalakan sekadar perlu demi untuk keselamatan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. (28)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
(TELUK KEMANG)**

TARIKH : 11 DISEMBER 2008 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. TUAN KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS (TELUK KEMANG)
minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**
menyatakan :-

- (a) bilakah Kerajaan akan memindahkan Tapak Pembuangan dan Pelupusan Sampah Bukit Palong, Negeri Sembilan; dan
- (b) bilakah peruntukan berkenaan akan diturunkan kepada pihak Kerajaan Negeri supaya dilaksanakan sebagai antara projek yang tersenarai di bawah Rancangan Malaysia ke-9 (RMK-9).

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tapak pelupusan sisa pepejal di Bukit Palong ini akan dilaksanakan secara naik taraf selama dua tahun. Sementara menunggu tapak baru di ladang Tanah Merah, Mukim Jimah, Port Dickson siap dibina. Tapak ini akan ditutup secara selamat apabila tapak pelupusan baru mula beroperasi.

**Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan**

Disember 2008

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK CHUA SOON BUI
TARIKH : 11 DISEMBER 2008

SOALAN

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah rancangan yang akan dijalankan Kementerian untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam di Sabah, terutamanya di Tawau supaya dapat menyediakan pengangkutan awam berkesan dengan tambang yang mampu dibayar golongan miskin.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara rancangan yang telah dirangka dan dilaksanakan oleh Kementerian melalui Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah dalam usaha untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam adalah seperti berikut:

- i. **Menyusun semula laluan** perkhidmatan pengangkutan awam dengan dimulakan di Bandaraya Kota Kinabalu bagi memastikan perkhidmatan meliputi semua kawasan. Penyusunan laluan ini akan turut meliputi daerah-daerah yang lain termasuk Tawau.

- ii. Penetapan **had usia kenderaan pengangkutan awam** di Sabah tidak melebihi 25 tahun bermula bulan Jun 2008 bertujuan memastikan pengguna mendapat perkhidmatan yang selamat dan selesa. Kerajaan telah memperuntukan sejumlah RM200 juta di bawah Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam (TPPA) bertujuan menyediakan pembiayaan kepada pengusaha untuk membeli dan mengganti kenderaan pengangkutan awam.
- iii. Mewajibkan pemandu kenderaan pengangkutan awam memaparkan **kad pemandu** bagi memudahkan pengguna membuat aduan yang berkualiti.
- iv. Mewajibkan pemandu memakai **pakaian seragam** iaitu kemeja putih untuk pemandu teksi dan biru untuk pemandu bas kecuali bas sekolah. Manakala syarikat adalah digalakkan menggunakan pakaian korporat masing-masing. Usaha ini bertujuan menyemai semangat di kalangan pemandu bahawa memandu adalah satu kerjaya yang serius dan perlukan perhatian sepenuhnya.
- v. Menjalinkan kerjasama erat dengan Kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan dalam perancangan infrastruktur kemudahan pengangkutan awam seperti terminal dan hentian bas. LPKP Sabah juga menjadi ahli kepada Jawatankuasa Pengangkutan Awam Majlis Daerah Tawau.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kadar tambang pengangkutan awam bas dan teksi adalah dikawal oleh Kerajaan di bawah Seksyen 19 Akta LPKP 1987 bagi memastikan ianya tidak membebankan pengguna dan mampu dibayar termasuk oleh golongan miskin.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM (SERIAN)
TARIKH : 11.12.2008

SOALAN:

Y.B. DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan bangunan-bangunan sekolah yang disahkan tidak selamat diduduki oleh JKR di kawasan Parlimen Serian dan langkah-langkah yang diambil untuk membaiki keadaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Terdapat tiga (3) buah sekolah di kawasan Parlimen Serian yang mana blok bangunan sekolah-sekolah tersebut telah disahkan oleh pihak JKR sebagai tidak selamat, iaitu SK St. Teresa, SK Tebakang dan SK Parun Suan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi memperbaiki keadaan blok bangunan sekolah-sekolah tersebut adalah:

- i. Memohon dan memperoleh peruntukan bagi kerja-kerja penyelenggaraan;
- ii. Menjalankan kerja-kerja pengukuhan struktur asas bangunan; atau

- iii. Mencadangkan pembinaan bangunan gantian atau pembinaan sekolah baru di tapak lain,

Pada masa yang sama KPM juga meminta pihak sekolah mengambil langkah-langkah keselamatan yang sepatutnya seperti memindahkan aktiviti-aktiviti yang hendak dilaksanakan ke bangunan atau bilik-bilik lain serta memasang pita keselamatan di sekeliling kawasan bangunan yang tidak selamat. Langkah-langkah ini perlu bagi memastikan keselamatan murid sekolah-sekolah tersebut terjamin.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB
(KUBANG KERIAN)**

TARIKH : 11 DISEMBER 2008

SOALAN:

Tuan Salahuddin bin Haji Ayub (Kubang Kerian) minta Perdana Menteri menyatakan bilakah tempoh masa yang diperlukan bagi Kerajaan merealisasikan penubuhan Suruhanjaya Kehakiman dan Suruhanjaya Badan Pencegah Rasuah.

JAWAPAN DARI MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
DATO' SERI MOHAMED NAZRI B ABDUL AZIZ

Tuan Yang DiPertua,

Sepertimana yang telah diumumkan, sasaran Kerajaan adalah untuk membentangkan Rang Undang-Undang bagi menubuhkan kedua-dua Suruhanjaya tersebut sebelum sesi Parlimen ini berakhir. Jika semua pihak membahaskan perkara-perkara dasar dan bukan perkara-perkara politik, seperti yang diinginkan rakyat, penubuhan Suruhanjaya tersebut akan dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin setelah penerimaan kedua-dua Rang Undang-Undang tersebut sebagai Akta.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN CHONG ENG (BUKIT MERTA JAM)
TARIKH : 11 DISEMBER 2008

SOALAN

Puan Chong Eng (Y.B. Bukit Mertajam) minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sebab-sebab Kementerian tidak mengambil tindakan yang segera untuk meningkatkan kualiti sistem pengangkutan awam di Malaysia memandangkan masalah peningkatan petrol adalah berterusan sejak negara kita di bawah pentadbiran YAB Perdana Menteri.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan tahap kualiti pengangkutan awam. Antaranya melalui:

- i. Meminimumkan persaingan melalui pengawalan bilangan pengusaha, pembekuan laluan, menggalakkan *coach sharing* dan penglibatan syarikat milik Kerajaan difokuskan di laluan sosial.
- ii. Membangunkan modal insan melalui latihan kemahiran untuk melahirkan pemandu yang profesional dan beretika serta menganjurkan kursus-kursus jangka pendek sebagai *refresher* kepada pemandu sedia ada

- iii. Melaksanakan piawaian antarabangsa atau yang bersamaan berhubung keselamatan pembinaan badan bas dan operasi perkhidmatan.
- iv. Mewujudkan pangkalan data pemandu.
- v. Memperkenalkan kadar tambang yang dinamik melalui system *Automatic Price Mechanism* dan meliberalisasikan perkhidmatan berbentuk mewah.
- vi. Mewujud dan menyediakan insentif-insentif bagi mengurangkan beban kos operasi melalui pemberian geran, subsidi dan pengurangan cukai.
- vii. Menggalakkan pemodenan perkhidmatan ke arah kecekapan kos operasi seperti pelaksanaan *e-ticketing* dan penggunaan NGV.
- viii. Meningkatkan kesedaran hak-hak pengguna.
- ix. Mewujudkan platform atau halatuju industri yang jelas melalui Dasar Pengangkutan Negara dan kolaborasi dengan pihak industri bagi menilai polisi-polisi yang hendak dilaksanakan.
- x. Melaksanakan penguatkuasaan secara berterusan dan menekankan aspek *self regulatory* di kalangan pengusaha.

Walaupun pada 5 Jun 2008 Kerajaan telah menaikkan harga petrol daripada RM1.92/liter kepada RM2.70/liter, namun pada hari ini harga tersebut telah turun kepada RM1.90/liter. Pengusaha pengangkutan awam pula menikmati subsidi harga diesel pada harga RM1.43/liter berbanding harga semasa RM1.80/liter.

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan strategi yang dimaklumkan di atas, perkhidmatan pengangkutan awam telah menunjukkan beberapa kemajuan. Antaranya ialah :

- i. Kewujudan sebanyak 2 buah syarikat milik kerajaan yang difokuskan di laluan sosial seperti Rapid Penang dan Kenderaan Bas Mara yang banyak memberi kemudahan kepada orang ramai terutama di kawasan luar bandar;
- ii. Seramai 832 pemandu teksi dan kereta sewa telah mengikuti 12 kursus pemantapan pemanduan yang dianjurkan yang memberi kemahiran pemanduan secara beretika dan profesional;
- iii. Bas-bas ekspres yang diganti adalah bas-bas baru yang menepati piawaian antarabangsa yang dapat menjamin keselamatan penumpang dan memberi keselesaan sepanjang perjalanan;
- iv. Kewujudan Ekspres Eksekutif dan Bas Ekspres Perdana memberi pilihan kepada pengguna untuk menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam yang lebih mewah dan selesa pada kadar harga yang mampu dibayar yang setanding dengan negara-negara maju;
- iv. Penguatkuasaan secara berterusan yang dijalankan bersama agensi-agensi lain seperti JPJ dan PDRM telah membantu mengurangkan kes-kes kemalangan maut yang melibatkan bas ekspres terutama pada musim perayaan;
- v. Sehingga bulan Ogos 2008, sebanyak 88 permohonan berjumlah RM126.2 juta telah diperuntukkan kepada pengusaha pengangkutan awam melalui Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam (TPPA) bagi menambahbaik kenderaan yang dimiliki bagi memberikan perkhidmatan yang lebih berkualiti kepada pengguna.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD (SHAH ALAM)

TARIKH: 11 DISEMBER 2008

SOALAN:

Tuan Khalid bin Abdul Samad (Shah Alam) minta **Perdana Menteri** menyatakan selain penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman yang masih tertakluk kepada nasihat eksekutif dan cadangan lembaga penasihat pencegah rasuah yang juga masih tertakluk kepada nasihat eksekutif, apa jaminan tidak berlaku kekecewaan sekali lagi kepada rakyat selepas mereka kecewa dengan janji Perdana Menteri mengenai pendekatan lebih berkesan menangani rasuah pada tahun 2003 yang lalu.

JAWAPAN DARI MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

DATO' SERI MOHAMED NAZRI B. ABDUL AZIZ

Tuan Yang DiPertua,

Kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa rakyat kecewa dengan usaha Kerajaan untuk menangani rasuah adalah andaian semata-mata. Sebenarnya, jika diteliti, ternyata bahawa agenda integriti negara sedang bergerak dan semakin berjaya. Statistik terkini menunjukkan bahawa bilangan siasatan telah meningkat sebanyak dua kali ganda antara tahun 2001 dan 2007. Manakala bilangan tangkapan telah mencatatkan peningkatan sebanyak 54 peratus dalam tempoh yang sama. Di samping itu, pemantapan dari segi penyiasatan dan pendakwaan telah membolehkan lebih banyak kes rasuah disabit kesalahan. Kini, kadar kesabitan kesalahan telah meningkat kepada 78 peratus bagi tahun 2007, iaitu peningkatan sebanyak 28 peratus dalam tempoh hanya 5 tahun.

Untuk pengetahuan Ahli yang Berhormat, jaminan yang terbaik yang membawa kepada pembanterasan gejala rasuah adalah komitmen segenap lapisan masyarakat untuk menjauhi segala bentuk amalan rasuah dalam setiap aspek hidup mereka. Untuk membantu merealisasikan matlamat tersebut, Kerajaan akan tetap memainkan peranannya dan terus berusaha untuk memastikan bahawa institusi-institusi anti-rasuah negara terus diperkukuhkan dan penguatkuasaan undang-undang anti-rasuah terus dipergiatkan. Sebenarnya, usaha untuk menubuhkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) harus dilihat dalam konteks tersebut dan bukan dipandang sinis.

Sesungguhnya, segala usaha telah diambil untuk memastikan agar S.P.R.M. yang bakal diwujudkan benar-benar berkesan dan mampu memenuhi kehendak dan aspirasi rakyat. Dengan itu, S.P.R.M. telah dimodelkan berdasarkan pada agensi-agensi anti-rasuah yang diiktiraf sebagai antara yang terbaik di dunia, umpamanya 'independent commission on anti-corruption' (I.C.A.C.) di Hong Kong dan 'Independent Commission Against Corruption' di New South Wales, Australia.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, S.P.R.M. yang bakal diwujudkan akan disokong oleh beberapa mekanisme *check and balance* seperti "Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah" dan "Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah" agar dilihat lebih berakuntabiliti, lebih telus dan lebih berkesan dalam pelaksanaan tugasnya, selaras dengan kehendak perundangan, serta selari dengan aspirasi masyarakat.

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MATULIDI BIN JUSOH [DUNGUN]

TARIKH : 11 DISEMBER 2008 (KHAMIS)

SOALAN : Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan adakah Kementerian akan membekalkan lembu-lembu baka dan pejantan kepada golongan miskin tegar dan miskin untuk menambah pendapatan di samping memenuhi tuntutan keperluan-keperluan pemakanan negara.

JAWAPAN: MENTER

DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua

Pihak Kementerian sedaya amat prihatin terhadap golongan miskin tegar. Dasar yang diamalkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi membantu golongan miskin tegar adalah melalui kerjasama dengan Kementerian Pengerahan Tanah bandar dan Wilayah (KKLW).

Bagi projek melibatkan golongan miskin, pendekatan projek berbeza dengan usahawan ternakan lain. Pendekatan kementerian adalah memastikan projek berdaya maju dan membolehkan penternak hidup mewah dengan hasil milik mereka. Ini tidak bermakna bahawa kementerian tidak menunjukkan perhatian kepada golongan miskin dan miskin tegar. Kerjasama sedaya dan telahpun dijalinan dengan Kementerian Kemajuan Sabah dan Wilayah (KKLW).

Namun demikian, bahawa projek dan induk di bawah skim TRUST diutamakan kepada penternak yang berdaya maju untuk meningkatkan taraf projek mereka ke arah komersil. Bagi golongan miskin dan miskin tegar, kaedah pemilikan sahaja (*profit sharing*) dan kaedah upah didapati lebih praktikal. Ini kerana, perolehan hasil bagi sesuatu projek baru hanya mula dinikmati selepas 3 tahun projek dilaksanakan.